

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[A REASSESSMENT OF THE AL-DARURAH CONCEPT IN CURRENT ISLAMIC FINANCE]

SATU PENILAIAN SEMULA KONSEP AL-DARURAH DALAM KEWANGAN ISLAM SEMASA

SUMAYYAH ABDUL AZIZ ^{1*}
RIDZWAN AHMAD ²

¹ Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur Malaysia

² Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur Malaysia

*Corresponding author: sumayyahaziz@unisza.edu.my

Received Date: 7 April 2016 • Accepted Date: 28 July 2016

Abstract

The concept of al-darurah is a subject that has to be empowered and to be explored by students and scholars of Islamic studies. Al-darurah in Islamic finance is a concept that expend the theory of darurah from fiqh perspective and covered it from the perspective of darurah usuliyah as well. In Islamic finance, they applied the darurah concept such as in Tawarruq Munazam based products. Tawarruq Munazam has been ruled as not permissible by The International Council of Fiqh Academy of OIC in 2009 however it has been applied in Islamic banking in Malaysia based on the essential requirement in the current practise through Islamic products. Hence, a comprehensive and dynamic assement towards that application need to be applied to ensure that the application of darurah in Islamic finance not only align with the real concept of al-darurah but also meet the methodology of Islamic jurisprudence according to Maqasid al-Shariah. This article aimed to explain the concept of darurah in Islam in addition to describe the application of methodology of jurisprudence in Islamic finance to ensure the product of Islamic banking is attain the micro economies perspective. The method that has been applied is inductive, deductive and comparative. The finding of this article affirm that the concept of darurah has not yet been explored widely and be applied in the context of methodology of Islamic finance according to Maqasid al- Kulliyah in order to attain the substance meaning of syariah.

Keywords: Darurah , Islamic Finance, Mikro, Maqasid, Methodology

Abstrak

Persoalan *darurah* secara ilmiah merupakan satu subjek yang penting untuk dikuasai dan diterokai oleh penuntut, pendakwah dan sarjana ilmu Islam. *Al-darurah* kewangan Islam semasa ialah konsep yang menjangkaui *al-darurah* fiqhi malah merangkumi *al-darurah* usuliyah. Kewangan Islam menggunakan konsep *al-darurah* dalam aplikasi kewangan seperti *Tawarruq Munazam*. *Tawarruq Munazam* telah difatwakan haram oleh OIC pada tahun 2009 namun telah diaplikasikan di Malaysia berhujahkan keperluan semasa. Maka satu penilaian semula yang

menyeluruh dan dinamik perlu dilakukan bagi memastikan pemakaian *darurah* dalam kewangan Islam menepati bukan sahaja konsep *al-darurah* sebenar tetapi metodologi hukum yang dinamik. Artikel ini bertujuan menjelaskan konsep *al-darurah* dalam Islam seterusnya menghuraikan pemakaian metodologi hukum dalam kewangan Islam semasa bagi memastikan produk kewangan Islam menepati ciri mikro ekonomi Islam. Metod yang digunakan ialah metod induktif, deduktif dan komparatif. Dapatan mendapati konsep *darurah* masih belum diterokai dan diaplikasi dalam konteks metodologi kewangan Islam menurut *Maqasid Kulliyah* bagi memenuhi substansi syariah sebenar.

Kata Kunci: Darurah , Semasa, Kewangan Islam, Mikro, Maqasid, Metodologi Hukum

Cite as: Sumayyah Abdul Aziz & Ridzwan Ahmad. 2016. Satu Penilaian Semula Konsep al-Darurah Dalam Kewangan Islam Semasa. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 13(1): 106-120.

PENDAHULUAN

Islam merupakan agama sejahtera yang memelihara kemaslahatan sejagat dari semua aspek. Islam berpaksikan kepada dua sumber hukum asal yang utama iaitu al-Quran dan as-Sunnah. Tunjang Islam ialah memelihara masalah dan menghindari mudarah. Untuk mencapai maksud kepada pensyariaan penelitian yang mendalam terhadap isu-isu baru merangkumi semua aspek kehidupan memerlukan mekanisme yang signifikan agar dapat digarap sesuai dengan keperluan semasa. Seterusnya diaplikasikan dengan penuh kecermatan dan ketelitian ilmiah. Ini kerana cabaran semasa mengundang satu cabaran mendesak kepada ilmuan-ilmuan kontemporari untuk mengeluarkan hukum-hukum baru yang komprehensif dan mencapai maksud shari'ah yang sebenar.

Kehidupan manusia secara umumnya akan berdepan dengan situasi yang pelbagai. Pada keadaan tertentu, kita akan berdepan dengan halangan dan hal-hal yang berada di luar kemampuan untuk menghadapinya. Keadaan ini sama ada berbentuk ancaman, kesulitan atau keperluan mendesak melibatkan harta, nyawa dan sebagainya. Hal ini dinamakan *darurah* iaitu situasi yang mengharuskan perkara-perkara yang diharamkan sebelum sesuatu halangan atau situasi berlaku. Ini bagi mencapai maksud syarak untuk memberikan masalah dan mengelak mudarat bagi manusia. Prinsip ini dinamakan *darurah* yakni kaedah pengecualian kepada hukum asal yang bersifat sementara dan tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Namun demikian, dalam kepesatan perkembangan hukum Islam, prinsip *darurah* masih jarang diperbahaskan secara ilmiah menerusi kacamata akademik. Dalam masa yang sama, pemakaian *darurah* menjadi salah satu mekanisme dalam mengharuskan hukum-hukum baru Islam atau fatwa-fatwa terkini yang dirumus dari hukum-hukum tradisional untuk menghasilkan keputusan yang lebih dinamik.

Persoalan *darurah* secara ilmiah merupakan satu subjek yang penting untuk dikuasai dan diterokai oleh penuntut, pendakwah dan sarjana ilmu Islam. Ia satu konsep yang perlu dihadami parameter dan limitasinya agar aplikasi *darurah* sejajar dengan kehendak syarak. Hal ini kerana seseorang mukallaf itu kadangkala berada dalam situasi yang tidak memungkinkan mereka menjalankan taklif syarak sebagaimana yang diperintahkan bahkan memerlukan mereka memilih di antara dua perkara yang saling bertentangan seperti larangan memakan

bankai dan tuntutan memelihara nyawa. Lapangan Islam secara umum dan pekerjaan dan kehidupan Muslim secara khusus terdapat padanya situasi yang tidak dijangka dan keadaan terdesak yang membawa individu Muslim melakukan perkara yang ditegah asalnya dalam agama. Situasi-situasi ini semakin bertambah dengan bertambah pesatnya era moden dalam aspeknya yang pelbagai (Ibnu Mubarak, 1988).

Dewasa ini, aplikasi kewangan Islam sering dibangkitkan dan dipersoalkan. Sama ada dari perspektif, metodologi, teoritikal, mekanisme, instrumen, dokumentasi atau struktur pembayaran semula. Maka ia menuntut satu tinjauan yang lebih menyeluruh dan dinamik dalam memastikan komponen-komponen dan elemen dalam instrumen kewangan Islam menepati masalah dalam Syariah. Masalah dalam Syari'ah ialah perkara yang memelihara daruriyyat dalam agama. Salah satu dari objektif Sya'riah yang lima adalah untuk mencapai kemakmuran ekonomi dalam masyarakat. Ini penting untuk menjadikan sistem kewangan Islam bukan sahaja bersifat pragmatik tetapi juga menepati asas dan dasar pensyariaan iaitu memelihara masalah dan menjauhi kemudaratan.

Kewangan Islam yang merangkumi perbankan, kewangan dan suruhanjaya sekuriti semakin berkembang pesat di mata dunia. Produk-produk perbankan Islam semakin banyak dihasilkan dan ekonomi negara dikukuhkan dengan penerimaan pengguna yang positif terhadap produk-produk perbankan Islam ini. Namun begitu, dalam keghairahan perbankan Islam menghasilkan produk-produk baru yang kompetitif dan relevan pada masakini, masih terdapat beberapa isu dan perbincangan yang mendapat perhatian ramai. Antara isu yang masih diperbincangkan dan dibangkitkan ialah, nilai masa, kes-kes perumahan terbengkalai, kos modal dan ganjurugi, beberapa elemen yang masih belum meraikan memelihara kemaslahatan dan mengelak kemudaratan secara lebih komprehensif dan merangkumi aspek ekonomi dan sosial. Walaupun kemudaratan itu berbeza mengikut individu, situasi dan keadaan namun syariah telah memberi garis panduan yang lengkap berkenaan bagaimana *darurah* itu diiktiraf syarak dan sejauh mana pemakaian *darurah* itu harus digunakan selaras dengan garis panduan yang telah diberi.

Justeru, pemakaian konsep *darurah* dalam beberapa instrumen kewangan Islam dan produk perbankan Islam perlu dinilai dari sudut pemprosesan, implementasi, serta pemantauan yang lebih mendasar. Ini kerana, walaupun dalam akad-akad bertanggung yang diharuskan oleh Bank Negara Malaysia tetapi dilarang oleh OIC perlu dinilai dari sudut intipati dan penstukturan semula.¹ Hal yang demikian kerana jika sekalipun keharusan dari sudut kontrak itu diperselisihkan dan bersifat *ẓanni* namun dari segi stuktur dan dokumentasi undang-undang masih banyak ruang penambahbaikan boleh dilakukan. Apa yang dimaksudkan dengan *ẓanni* ialah dalil tersebut masih bersifat relatif boleh diperbahaskan kehujahannya. Sehubungan dengan itu, satu kajian lanjutan perlu dilakukan bagi memperincikan aspek *darurah* ini secara lebih komprehensif terhadap produk-produk kewangan Islam semasa.

PENDEKATAN METODOLOGI DALAM KEWANGAN ISLAM

Tugas para ilmunan Muslim pada masa kini adalah menguji kaedah-kaedah yang dikembangkan, baik dalam tradisi-tradisi Muslim mahupun barat untuk menentukan punca kaedah-kaedah tersebut dan kemudian mengajukan berbagai-bagai kemungkinan untuk pengembangan, pelengkapan ataupun penolakannya. Meskipun karakter di atas itu benar berhubung kaedah-

kaedah tradisional, namun boleh dikatakan pandangan ini mengetepikan adanya aliran-aliran dalam pemikiran klasik yang berusaha mengimbangi beberapa arus permodenan yang keterlaluan. Misalnya, teori maqasid yang dikembangkan oleh Shatibi itu dimaksudkan untuk menyusun ilmu fiqh secara sistematik dan mengimbangi kecenderungan terlalu teliti dalam pemikiran klasik (Louy Safi, 1999).

Kritikan terhadap kewangan Islam dari sudut pendekatan teoritikal merujuk kepada model pelaksanaan dan amalannya. Pelaksanaan kewangan Islam juga mengalami mendapat kritikan dari aspek metodologi. Metodologi yang digunakan untuk menyelesaikan isu kewangan Islam termasuk meluluskan produk dan perkhidmatan adalah bersifat tidak menyeluruh malahan kadangkala tidak menepati konsep epistemologi Islam. Menurut Zulkifli Hasan, Profesor Al Attas menmbri gambaran bahawa kewangan Islam menggunakan metodologi yang tidak autentik iaitu pendekatan dalam kerangka '*keynesian economic dan classical economic*'. Pendekatan penyelesaian metodologi dua dimensi semata-mata turut mendapat perhatian Professor Abdul Hamid Abu Sulayman termasuk Profesor Aslam Haneef. Mereka telah mengkritik metodologi yang digunakan dalam kewangan Islam iaitu menggunakan pendekatan sains 'fiqh' atau 'usul fiqh' yang berbentuk hukum dan melihat kepada resolusi penasihat syariah untuk menyelesaikan permasalahan syariah dan isu lain seperti implikasi ekonomi dan kewangan (Zulkifli Hassan , 2012).

Oleh yang demikian menurut pemerhatian Zulkifli Hassan menjadi tanggungjawab ahli akademik dan sarjana Muslim untuk menghimpun dan mencerna kembali metodologi hukum agar mengambil kira kebolehpayaan yang lebih intensif untuk digunapakai dalam aplikasi hukum kewangan Islam semasa. Ini kerana keputusan yang dibuat oleh pengamal kewangan Islam bukan sahaja melibatkan hukum bahkan implikasi ekonomi, sosial dan lain-lain, bahkan seharusnya metodologi yang digunakan juga malah bersifat lebih menyeluruh. Di antara kesan metodologi yang bersifat eksklusif dan sehalu digunakan oleh kewangan Islam pada hari ini ialah kebanyakan produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang ditawarkan adalah hanya bersifat halal dan patuh syariah tetapi tidak memberikan kesan yang signifikan kepada sosio-ekonomi masyarakat.

Amin Abdullah (Amin Abdullah, 2000) telah menekankan peri pentingnya dilakukan proses *reviewing* (ulangkaji) terhadap pendekatan penyelesaian masalah hukum Islam semasa. Beliau memaparkan dikotomi yang signifikan dan relevan dalam menkonstruk semula definisi dan aplikasi *darurah* dalam produk bertanggung di perbankan Islam Malaysia. Selain dari itu teori Amin Abdullah juga dinilai mencakup pendekatan yang pragmatik dalam membahaskan pendekatan ijihad hukum Islam dari nalar epistemologi yang menyeluruh.

Manakala Mahmood Zuhdi dan Amir Mualim memperincikan beberapa kekeliruan ilmu yang secara langsung menjejaskan pemahaman mereka terhadap hakikat hukum Islam yang sebenar. Ianya merangkumi;. Subjektiviti; mengambil sikap tertentu yang tidak matang terhadap sesuatu nas akibat kejahilan memahami Islam secara holistik. Manipulasi; melepaskan dalil syarak dari situasi dan kondisi semasa sesuatu nas syarak di turunkan. Justifikasi; tindakan menundukkan nas syarak agar bersesuaian dengan realiti yang ada ataupun mencari pembenaran terhadap praktik baru dengan cara menundukkan nas syarak kepada penafsiran yang sesuai. Interpolasi; memasukkan nas ke dalam kerangka berfikir tertentu, seperti faham sosialisme yang telah secara kuat dipegang oleh seseorang yang memang bertentangan dengan prinsip Islam. Inakurasi; sikap ketidaktahuan dan ketidaktelitian berpegang kepada nas yang

tidak valid dan tidak relevan dalam menangani sesuatu persoalan yang timbul (Amir Mualim, 2004).

Pandangan ini sangat kritikal dalam memahami konsep sebenar prinsip-prinsip syarak yang sebenar agar para ilmuwan Islam tidak terjerumus dalam proses penggalian dan aplikasi hukum yang bersifat dogmatik dan sehalu (*one-dimension*). Tambahan dari sudut kewangan Islam yang memerlukan wacana dan pandangan yang lebih bersifat progresif bagi memastikan prinsip *darurah* dalam kewangan Islam menepati metodologi, teoritikal dan aplikasi yang bertepatan syara dan hukum Islam semasa.

Prinsip *darurah* sama ada yang berbentuk *darurah* fiqhiah atau *darurah* usuliyah berkaitan rapat dengan aplikasi hukum yang berbentuk sementara kesan daripada pengecualian daripada hukum asal yang disebut sebagai *'azimah*. Bin Bayyah juga mendatangkan perbincangan berkaitan *darurah* menerusi terminologi yang berbeza iaitu *darurah* fiqhiah atau *darurah* usuliyah (Bin Bayyah, 2007).

Dr Wahbah Zuhailly mengetengahkan teori *darurah* sebagai kaedah pengecualian (*istisnaiyyah*) dalam prinsip syarak. Justeru, prinsip *darurah* ini memberi jalan keluar dan memudahkan dalam urusan berbentuk kesusahan dan kesempitan. Di samping itu juga menurut beliau situasi *darurah* yang pelbagai termasuklah *Al- 'Usr Wa 'Umum Al-Balwa, Istihsan Al-Darurah*, *Maslahah Mursalah Li Al-Darurah* serta *Uruf*. Kondisi-kondisi *darurah* ini diaplikasikan kepada beberapa transaksi kewangan Islam yang diharuskan kerana *darurah* sebagai contoh *Bai' al-Wafa* yang seakan terdapat helah riba serta beberapa akad yang lain (Zuhailly, 1982).

Kaedah syariah berpaksi dalam konteks pemeliharaan terhadap perkara daruriyat yang lima iaitu memelihara agama, harta, nyawa, keturunan, dan akal. Begitu juga dari aspek agama bertujuan mencapai kemaslahatan dan menjauhi kemudaratan dari semua aspek pensyariaatan dan kehidupan manusia. Dalam masa yang sama syariat juga bertujuan memudahkan, meringankan serta tidak bertujuan membebankan atau memberi kepayahan kepada mukallaf. Manakala syarat pensyariaatan hukum-hukum syariah disyaratkan mestilah dalam kadar kemampuan dan kebolehpayaan melakukan sesuatu taklif tersebut. Perkara ini dimaklumi kerana Allah Maha Adil lagi mengetahui keadaan hambaNya. Keadaan *darurah* boleh terjadi dalam pelbagai aspek. Antaranya paksaan oleh orang yang zalim, pengubatan, menahan dari kemudahan yang mutlak dan memelihara objektif syarak (Al-Jaizani, 1428).

Situasi *darurah* mempunyai kesan yang besar dalam perubahan hukum. Sepertimana keharusan memakan bangkai ketika keadaan *darurah* yangmana asal kepada bangkai itu adalah haram pada mulanya. Tetapi hukum *darurah* itu berkait rapat dengan ketiadaan pilihan dan waktu yang terhad (Al-Zayr, 2010). *Darurah* bermaksud sesuatu yang tidak dapat dielakkan lagi demi mengelak kemudaratan yang lebih besar terjadi. Tujuan diharuskan sesuatu keharusan melakukan perkara yang haram bagi *darurah* bukan bertujuan memudahkan sebaliknya mengelak sesuatu yang lebih binasa terjadi. Di mana ketika keadaan *darurah*, seseorang individu berada dalam keadaan tidak punya pilihan melainkan perlu melakukan sesuatu perkara yang dilarang oleh syara (Kafi, 2004).

Ini kerana asal kepada mudarahitu adalah haram. (Al-Bahithin, 2001). Namun demikian konsep ini memerlukan kepada penelitian ilmiah dan limitasi syarak yang terperinci. Dalam banyak keadaan telah berlaku kesalahfahaman di kalangan masyarakat akan istilah *darurah* menurut syarak yang sebenar. Di mana ramai yang mengambil jalan keluar yang mudah dan

mengambil ringan dalam menilai situasi *darurah* dan mengaplikasikan pada situasi dan keadaan yang salah. Maka hal yang demikian telah membawa kepada melakukan perkara yang ditegah dan diharamkan syarak dengan berhujahkan *darurah* mengharuskan perkara yang ditegah. Di mana terdapat sebilangan besar Muslim yang meluaskan makna *darurah* melebihi syarat dan limitasinya tanpa memelihara garis panduan yang ditetapkan syarak. Keadaan ini berleluasa hingga membawa kepada menzalimi hukum dan manusia yang lainnya. Hal yang demikian terjadi contohnya dalam hal membuka aurat di hospital-hospital dan lain-lain lagi (Al-Jaizani, 1997).

Definisi dan terminologi yang pelbagai perlu digabungkan agar takrif dan kefahaman dari sudut konteks yang dimaksudkan dapat digunapakai dalam wacana hukum semasa. Kekurangan dalam kebolehpayaan menguasai perbezaan juga kepentingan penguasaan terminologi dan epimologi dari sudut definisi akan membawa kepada hilangnya dinamika dalam memahami asas (*foundation*) serta perbezaan antara kaeadah fiqh, istisnaiyyah, uşuliyyah, maqāṣidiyyah yang kesemuanya memaparkan perbezaan yang sungguh halus tetapi memberi impak besar dalam dinamika hukum.

AL-DARURAH DALAM ISLAM

Darar dari sudut bahasa adalah daripada perkataan *darurah*. Ia berasal daripada (*Dar*) dengan baris atas. Perkataan *Dar* adalah berlawanan dengan perkataan manfaat, seperti firman Allah Ta'ala "Dan kalau kamu sabar dan bertakwa, (maka) tipu daya mereka tidak akan membahayakan kamu sedikit pun. Sesungguhnya Allah meliputi pengetahuannya akan apa yang mereka lakukan." (Surah Ali-Imran). *Darurah* pula bermakna sempit, susah atau pun *Hajah* (Khattāb, tt).

Dari sudut terminologi pula, ulama berbeza pandangan mengenai *darurah*. Kebanyakannya mengaitkan dengan keperluan mendesak untuk memakan makanan yang haram atau minuman yang haram. Imam Sayuti r.a menyatakan bahawa *darurah* ialah mencapai kadar satu had seandainya tidak memakan perkara yang terlarang akan membawa kepada kecelakaan atau akan mendekati kepada kecelakaan, maka disebabkan itu diharuskan memakan perkara yang haram (Al-Sayuti, 1983).

Definisi *darurah* membuka pelbagai dimensi dalam menolak kemafsadatan dan memberi kebaikan kepada manusia sepertimana yang telah ditekankan oleh Al-Zarkasyi dan Al-Sayuti yang mendefiniskan *darurah* dalam rumusan berikut. "*Darurah* ialah sampainya seorang kepada batas di mana jika ia tidak mahu memakan yang dilarang, maka ia akan binasa atau mendekati binasa, seperti seseorang yang terpaksa makan dan memakan sesuatu yang dilarang di mana jika ia bertahan dalam kelaparannya atau tanpa memakai sesuatu yang dimaksud ia akan mati atau hilang sebahagian anggota badannya." (Al-Sayuti, 2010).

Definisi ini tidak mengisyaratkan kepada semua aspek maksud *darurah* dan tidak mencakupi kepada segenap maksud *darurah* bahkan hanya meliputi satu keadaan khusus sahaja bagi sekian banyak keadaan *darurah*. Sedangkan bab-bab *darurah* itu sangat meluas serta sangat banyak (Al- Raysuni, 2007).

Selain dari itu definisi *darurah* dalam istilah fiqh Islami mempunyai pengertian yang pelbagai. Cendikiawan Islam tidak melazimi dalam memberi makna *darurah* kepada satu makna tertentu atau menghadkannya kepada satu makna yang khusus. Istilah *darurah* pada

masa tertentu didefinisikan sebagai sesuatu yang membinasakan, mafsadah dan dalam masa yang lain memberi makna dengan sesuatu yang menghancurkan serta makna-makna lain yang menunjukkan kepada maksud *darurah* (Abdul 'Alim, 2007).

Yaqoub Al-Bahithin dalam menyoroti definisi *darurah* yang terdahulu telah mengemukakan definisi yang lebih komprehensif dalam meliputi maksud *darurah*. Beliau menyatakan bahawa *darurah* merupakan situasi yang menimpa manusia yang mana jika tidak diusahakan secara serta merta akan menyebabkan secara pasti atau dikhuatiri akan mensiakan atau menghapuskan masalah daruriyyah yang utama. Lanjutan daripada definisi ini, sekalipun ia tidak memberi gambaran dari aspek *jami'* dan *mani'*, tetapi ia memberi satu konsep definisi dari aspek keluasan ibarat. Maka definisi yang terpilih ialah situasi yang mendesak kepada menyambut keperluan melakukan sesuatu yang diharamkan syarak. (Al-Raysuni, 2007).

Menerusi tinjauan dari aspek pengertian-pengertian ini secara kesimpulannya Fuqaha' kontemporari mendefinisikan *darurah* sebagai, 'Mafsadah yang menyebabkan kemafsadatan kepada perkara lain' atau semua jenis penderitaan berkaitan dengan individu sama ada kemudaratannya dari sudut harta, tubuh badan, maruah atau emosi (Zuhaily, 1998).

Oleh yang demikian apa sahaja kerosakan kepada tubuh, anggota, emosi, maruah dianggap sebagai *darurah* dalam prinsip hukum Islam. Sekalipun demikian *darurah* dalam erti kata ini masih berlaku dalam dimensi sehalu dan belum mencakup makna sebenar *darurah* dalam Islam. Ia masih berlegar dalam ruang yang masih boleh diperbahaskan.

Walaubagaimanapun Syeikh Bin Bayyah yang telah mengumpulkan dan membahagikan definisi *darurah* dalam bentuk paling tersusun, sempurna serta memenuhi kesemua aspek hukum dan terminologi. Beliau membahagikan *darurah* kepada tiga iaitu:

- i. *Darurah Fiqhiah* dengan pemakaian *darurah* dengan makna khusus
- ii. *Darurah* dengan pemakaian fiqhi yang luas (*Hajah*)
- iii. *Darurah Usuli* (Maqasid Al-Daruriyyah) *Kulliyah*

Ketiga-tiga elemen ini membentuk paradigma dalam kerangka *darurah* yang menyeluruh. *Darurah* fiqhi memberi pengertian "Telah sampai kepada satu batasan had jika tidak melakukan perkara haram akan memusnahkan diri atau hampir kepada memusnahkan diri. Maka diharuskan melakukan perkara yang diharamkan" (Sayuti, 2010). Manakala pemakaian *darurah* dengan makna *hajah* jarang dikupas dan diperbincangkan. Inilah *darurah* yang menjadi pemakaian dalam banyak hukum semasa. Iaitu *darurah* dalam maknanya yang luas iaitu keperluan. Sebahagian Ulama' menggunakan *darurah* dengan makna *hajah* atau keperluan seperti Imam Al-Zarkani. Dalam konteks ini *darurah* digunakan dalam ertikata yang dimaksudkan oleh Khalil iaitu 'Dimaafkan tipudaya sedikit yang tidak dimaksudkan untuk memudahkan keperluan hidup manusia (*hajah*). Sedang makna *darurah* usuli ialah maqasid daruriyyah kulliyah dalam erti yang lebih universal iaitu 'Tidak dapat tidak memerlukan kepada perkara daruriyyah untuk mendirikan masalah agama dan dunia yang mana jika ia lenyap tidak tercapai masalah dunia bahkan berlaku kerosakan dan kemafsadatan dan kehidupan. Demikian juga akan hilangnya kenikmatan dan kejayaan (kerugian yang nyata) dalam konteks kemaslahatan manusia. Imam Shatibi menjelaskan lagi pemeliharaan terhadap *darurah* usuli ini dari aspek memastikan pengekalannya elemen daruriyyat dan memelihara daripada terhakisnya elemen daruriyyat dalam konteks ibadah dan muamalah (Shatibi, 2010). Oleh demikian, inilah

ketiga-tiga aspek *darurah* yang dimaksudkan dalam perbincangan konsep *al-darurah* dalam aplikasi kewangan Islam.

PRINSIP DARURAH DALAM KEWANGAN ISLAM

Prinsip *darurah* dalam produk bertanggung seperti pembiayaan bank menurut kerangka maqasid shari'ah masih belum dicerna sepenuhnya. Perkara ini penting bagi menyingkap samada akad-akad bertanggung yang menggunakan prinsip *darurah* dalam produk perbankan Islam menjadi alternatif yang diharuskan bagi menggantikan sesuatu yang haram berbentuk daruriyyah (keperluan *survival*) atau menjadi hukum yang bersifat hajiyyah (keperluan). Oleh itu, alternatif ini mestilah mematuhi garis panduan yang ditetapkan syarak dan tidak melangkaui parameter yang diberi. Tawaruq Munazam merupakan tawaruq yang terancang kerana perbankan Islam mengambil peranan dalam menentukan perjalanan penjualan dan membuat kesemua pengaturan dan penyusunan bagi menyalurkan wang tunai kepada pelanggan. Perbankan Islam juga akan menentukan siapakah broker yang akan mengurusniaga (*purpose of purchase*) dan kepada siapa pelanggan akan menjual kembali aset tersebut (Al-Zuhayli, 2006). Ia merupakan satu contoh produk bertanggung yang perlu dilihat dari aspek pelbagai dan diberi alternatif lain untuk menggantikan pengharamannya (Ghohthofi, 2010). Maka jika sekalipun diharuskan di Malaysia kerana masalah dan *darurah*, praktis ini seharusnya hanya bersifat sementara dan tidak bersifat selama-lamanya.

Selain itu antara permasalahan yang diutarakan dari sudut dokumentasi undang-undang dalam produk *Bai' Bithamanin 'Ajil* ialah dari sudut kemudahan yang terhasil apabila melibatkan perumahan yang tidak siap dan tergendala. Pihak bank sebagai penjual bertanggungjawab terhadap aset yang dijual apabila berlaku kes terbengkalai dan sebagainya. Ini kerana pelanggan telah membayar sejumlah deposit persetujuan bersama terhadap aset dan isu-isu perumahan terbengkalai meletakkan pengguna dalam kemudahan yang jelas tambahan pula pembatalan kontrak memakan masa yang panjang dan proses mahkamah berkos tinggi. Justeru, menurut Saiful Azhar Rusly, pihak bank selaku penjual perlu memainkan peranan yang aktif dalam membantu pelanggan mendapatkan hak mereka untuk mendapat hak apa yang telah mereka bayar. Beliau mencadangkan pihak bank boleh memberi pilihan khiyar 'aib kepada pelanggan dalam situasi ini (Saiful Azhar Rosly, 2005).

Akad-akad bertanggung dalam produk perbankan diharuskan berdasarkan garis panduan tertentu. Walau bagaimanapun keharusan ini masih boleh dipersoalkan berdasarkan situasi dan kesan yang berbeza hasil dari akad tersebut. Kajian lepas menyentuh kemudahan yang dibimbangi di dalam transaksi bertanggung seperti *Bai'al-Dayn*, dari sudut pihak pembeli seandainya transaksi dilakukan tanpa pengawalan dan pengawasan. Manakala dari *Bai' 'Inah* pula dilarang dan diharuskan oleh pandangan yang berbeza melihat dari sudut mudarahdan masalah menurut konteks masing-masing. Juhum mengharamkannya pula kerana menutup kepada kemudahan yang besar manakala yang mengharuskannya kerana masalah kepada institusi. Suftajah juga termasuk dalam instrumen yang diharuskan kerana darurat yang bersifat keperluan mendesak. Manakala dalam konsep *da' wa ta'ajjal* iaitu pengurangan hutang akibat mempercepatkan tempoh pembayaran balik hutang bertujuan menghilangkan mudarah bagi pelanggan manakala aplikasi konsep *ta'awidh* atau penalty berhajatkan ketelitian mendalam

melihat kepada situasi pembeli yang terlewat kerana sebab-sebab munasabah yang memerlukan pertimbangan daripada dikenakan penalti (Suruhanjaya Sekuriti, 2010).

Tawfique Mubarak melakukan analisis terperinci yang memberi gambaran jelas akan kedudukan praktis perbankan Islam masakini. Menurut beliau, dalam kebanyakan kes tidak memenuhi standad Shari'ah. Ahli ekonomi Islam secara terbuka cenderung kepada instrumen berbentuk perkongsian untung yang lebih memberi implikasi kesejahteraan dan kebajikan sosial dan tanggungjawab kemasyarakatan. Ini bagi memenuhi objektif syarak dalam mengembangkan pertumbuhan ekonomi. Sedangkan kebanyakan produk perbankan Islam berlegar di antara *Bai' Bithamanin 'Ajil (BBA)*, *Bai' al-Dayn*, kredit kad Islam dengan kontrak *'Inah*, *Tawarruq* dan sebagainya. Oleh demikian, menjadi satu cabaran masakini untuk mencipta satu produk yang bukan sahaja Islamik tetapi juga selaras dengan Maqasid al-Shari'ah tanpa mengenyakan keperluan pasaran, persaingan dan keuntungan semasa. Beliau mencadangkan agar produk bertanggung yang masih belum memenuhi kriteria sebenar syarak dari sudut yang lebih komprehensif mengambil kira produk alternatif yang lebih dinamik dan bukan sekadar paradox semata-mata (Tawfique Mubarak, 2010).

Said Bouheraoua (2011) memberi satu gambaran bahawa institusi kewangan Islam wajib memastikan kesemua transaksi bukan sahaja dilihat dari konteks bentuk dan teknikal undang-undang tetapi melihat dari sudut substansi ekonomi itu sendiri. Premis inilah merupakan kerangka utama yang menjadi objektif kepada syarak menurut kacamata Shari'ah. Ini bagi menjamin kewangan Islam bersifat lebih komprehensif, rasional dan realistik berdepan pelbagai isu-isu kewangan semasa. Oleh yang demikian, kewangan Islam dapat dilihat dari sudut lebih dinamik bukan sekadar membebaskan dari elemen ribawi yang berbentuk teknikal tetapi juga satu prinsip yang lebih holistik dalam memastikan keseimbangan antara perbelanjaan dan pendapatan menurut kerangka maqasid al-shari'ah.

REKONSTRUKSI KONSEP AL-DARURAH MENERUSI KERANGKA MAQASID AL-KULLIYAH

Konsep *darurah* perlu dinilai dari kerangka maqasid al-kulliyah. Maqasid Kulliyah umumnya merupakan epistemologi hukum yang lebih universal dan dinamik. Ini bagi menjamin hukum-hukum ijtihadi umumnya dan kewangan Islam khususnya yang lahir berbentuk menyeluruh dari konteks fiqh dan usul serta merangkumi elemen dan penelitian dari aspek etimologi dan terminologi yang tepat. *Darurah* dalam aplikasi kewangan Islam ini perlu dilihat menurut konteks yang dinamik dan organik. Apatah lagi, keperluan pada zaman sekarang semakin rancak dan berkembang dari sudut perspektif dan dimensi yang lebih meluas.

Definisi yang dirangka oleh ahli bahasa, *usuliyyin* serta mujtahid perlu mengkonstruksi semula sesuai dengan epistemologi Islam bagi menepati konteks teoritikal dan konseptual tradisi Ilmu Islam. Selain itu juga *darurah* perlu dihadapi secara tepat oleh para Sarjana Islam menurut terminologi yang dimaksudkan syarak ketika mengeluarkan hukum ijtihad kewangan semasa samada *darurah*, *daruriyyat* atau *mudarat* yang kesemuanya memberikan perbezaan besar dalam aplikasi hukum. Begitu juga *darurah* perlu dilihat bukan sekadar dari konteks *fiqhi* tetapi juga *usuli*. Hubungkait antara *darurah* dengan dalil-dalil syarak yang lain perlu diperkukuhkan. Terutama dari sudut perbezaan, persamaan dan hubungan antara dalil-dalil syarak dan kaedah-kaedah *fiqhiah*, *usuliyyah* dan *maqasadiyah*. Ini kerana ketidaktepatan dalam

menghalusi kefahaman dan sudut perbezaan bahasa, fiqh, usul akan menyebabkan ketirisan dalam memahami keperluan hukum dan proses mencanai istilah yang segar dan asli. Seterusnya membawa kepada paradigma konsep *darurah* yang bertepatan dengan maksud syarak dari sudut rangka (*form*) dan juga substansi (*substance*).

Para Fuqaha' dan *Usuliyyin* juga perlu menguasai ilmu *Maqasid al-Shari'ah* secara mendalam dalam semua bidang hukum Islam samada kewangan Islam atau bahagian subjek yang relevan dalam hukum ijtihaḍ semasa. Menurut Ibnu 'Asyur kepentingan menggarap metod asas dalam ijtihaḍ ini penting antaranya bagi memahami ekspresi Shari'ah dan menggarap makna *madlulat* sejajar dengan bahasa yang digunakan dan *naql al-shari'ah* dengan mempraktikkan perbahasan dan peraturan bahasa dalam perbezaan pandangan Fuqaha'. Begitu juga untuk memberi hukum khusus terhadap perilaku tertentu atau kejadian khusus yang mana tidak ada dijelaskan hukumnya menerusi induksi teks syarak ataupun tidak dapat dihasilkan menerusi deduksi qiyas. Maka kebolehpayaan para mujtahid menguasai prinsip syariah dan kaedah-kaedah hukum menerusi kerangka maqasid menurut Ibnu 'Asyur memainkan peranan penting dalam menterjemahkan hikmah dan keindahan hukum Islam seterusnya mencapai prinsip *darurah* yang bertepatan dengan *maqasid al-daruriyah* (Ahcene Lahsasna, 2013).

Maka *darurah* dapat difahami sebagai datangnya kondisi bahaya atau kesulitan yang berat kepada diri manusia yang membuat dia khuatir akan terjadi kerosakan (*Darar*) atau sesuatu yang menyakiti jiwa, anggota tubuh, kehormatan, akal, harta dan yang bertalian dengannya. Ketika itu boleh atau tidak dapat tidak harus mengerjakan yang diharamkan, atau meninggalkan yang diwajibkan, atau menunda waktu pelaksanaannya guna menghindari kemudaratannya yang diperkirakannya dapat menimpa dirinya selama tidak keluar dari syarat-syarat yang ditentukan syara (Zuhaily, 1982)." Maka jika kondisi *darurah* itu tidak menepati piawaian *Maqasid al-Shari'ah* maka ia belum memenuhi rangka yang telah diatur syarak dalam konsepnya yang sebenar. Seterusnya membawa kemudaratannya, kepayahan dan kerosakan bagi manusia. Hal demikian dari sudut elemen keterikatan *darurah* dengan maksud yang mengikat dengan konteks memelihara kemaslahatan dan mengelak kemudaratannya dalam kondisi berbentuk fiqhi (hukum sementara), *darurah* dengan makna Hajah atau usuli (*daruriyyah kulliyah*). Maka prinsip *darurah* dalam kewangan Islam perlu memastikan apakah teori *darurah* yang diaplikasikan dalam praktis kewangan Islam Malaysia. Dalam kebanyakan kes kewangan ia masih samar-samar dalam pemakaian *darurah* yang menepati konteks aplikasi hukum yang dimaksudkan.

KEPENTINGAN KONSEP AL-DARURAH KEPADA PERKEMBANGAN MIKRO KEWANGAN ISLAM

Ekonomi merupakan sebahagian daripada agama dan syariah Islam. Maka menjadi peranan sarjana Muslim untuk mengembangkan kesarjanaan kepada mikro kewangan Islam. Ini bagi menjamin kematangan kewangan Islam berlegar bukan hanya di dalam industri tetapi merangkumi kesemua entiti masyarakat dan pertumbuhan sosial.

Umar Chapra telah mengetengahkan bagaimana Imam Shatibi dan Imam Ghazali meletakkan memelihara aqidah sebagai objektif syarak pertama sedangkan kepercayaan tidak punya kedudukan dalam ekonomi konvensional. Demikian kerana kepercayaan (*faith*) bertindak sebagai tunggak utama kepada refleksi berbentuk pandangan alam (*worldview*) yang memberi

kesan kepada kemanusiaan (*humanity*) keseluruhannya. Imam Juwayni juga telah menekankan perihai kepentingan *al-darurah* sebagai salah satu alat dan mekanisme penting dalam urusan harian manusia. Jual beli merupakan termasuk dalam *al-darurah* (Juwayni, 1997).

Konsep Kewangan Islam-Mikro telah muka bertapak walaupun hanya berlegar antara tiga Negara iaitu Indonesia, Bangladesh (pusat kewangan mikro bermula sejak 40 tahun) dan Afghanistan. Walaubagaimanapun, selain dari tiga negara ini ia masih satu konsep yang relatifnya belum diterokai dalam rangka Muslim yang menetap di negara majoriti Muslim. Walaupun perkhidmatan kewangan Islam secara formal mencatat peratusan 72% bagi pengguna Muslim secara umum (Paul Hailey, 2009).

Kekurangan perkembangan dalam institusi kewangan untuk memberi khidmat kepada golongan berpendapatan rendah dalam kalangan masyarakat telah menjadi perhatian pemikir ekonomi Islam. Ini bertepatan dengan prinsip ekonomi Islam yang menekankan kepada pengagihan pendapatan di kalangan masyarakat. Mekanisme bagi membantu firma-firma yang kecil atau perusahaan berbentuk mikro untuk mendapatkan bantuan kewangan. Perkara ini dapat dicapai dengan cara samada perbankan Islam membuka satu skema bagi membiayai firma dan perusahaan kecil atau menubuhkan institusi khusus berbentuk mikrokewangan Islam (Ahmed, 2007). Beliau juga menambah sistem kewangan Islam telah didominasi oleh perbankan Islam. Malah komersial bank lebih ketara untuk membiayai firma yang lebih besar kerana mereka bersaing dengan perbankan konvensional untuk menjana aset, untung dan pelanggan. Kemuncak terma mikro-kewangan dikenali di segenap lapangan kewangan bermula pada akhir 2006 ketika Professor Muhamad Yunus dan Bank Grameen Bangladesh dinobatkan dengan anugerah *Nobel Peace Prize*. Bank yang unik ini menjadi perintis kepada ledakan mikro kewangan Islamik (Chamhuri Siwar & Tawfique Mubarak, 2008).

Awwal Sarker telah menyentuh isu dalam perbankan Islam dari sudut mod produk secara terperinci kepada dua bahagian iaitu secara mikro dan secara makro. Tindakan terlalu mudah dengan menjadikan pembiayaan berbentuk murabahah sebagai jalan keluar daripada dwi sistem konvensional menyebabkan aktiviti ekonomi tidak begitu rancak bagi semua peringkat sosio-budaya (Awwal Sarker, 1997). Sedangkan mod bagi pembiayaan perlu meluas dan inovatif dalam produk yang benar-benar menjalankan aktiviti ekonomi dan bukan hanya sekadar menjana hutang dan keuntungan daripada pelanggan. Mod pembiayaan perlu lebih meluas daripada *debt-based* kepada *equity-based* atau perkongsian keuntungan. Instrumen seperti *Musyarakah*, *Mudarabah* serta mod berbentuk *profit-sharing* yang lain perlu digarap menjadi mod yang kompetatif kepada pelanggan.

Ini selaras dengan kerangka Maqasid al-Syariah yang ingin menjana pertumbuhan ekonomi Islam. Ibnu 'Asyur telah meletakkan Maqasid Syarak dalam hukum muamalah bukan hanya menjauhi riba atau mengharuskan hukum jual beli. Sebaliknya beliau meletakkan lima unsur Maqasid yang perlu dilihat oleh para sarjana Muslim masakini. serta pengamal kewangan Islam. Konteks ini jarang dihuraikan dan diaplikasikan secara meluas dalam pemakaian produk kewangan Islam di Malaysia. Sentimen beliau telah disokong oleh Bin Bayyah yang menyebut antara aspek utama dalam pemeliharaan Maqasid Syarak dari sudut ekonomi ialah berjalannya harta tersebut dengan pertumbuhan yang baik dan tersebarnya manfaat harta tersebut dengan cara yang betul. Tidak hanya terhad kepada matawang sebagai pertukaran dalam transaksi bahkan meliputi aktiviti pertanian, perdagangan dan sebagainya (Bin Bayyah, 2008).

Justeru bagi memastikan kerancakan perkembangan ekonomi dan kewangan Islam bergerak antara keseimbangan mikro dan makro kewangan Islam, maka mod pembiayaan di perbankan harus diperluaskan melebihi pembiayaan hutang, perusahaan gergasi dan penjanaaan keuntungan semata-mata. Ini bagi menjamin konsep *al-darurah* yang meliputi memelihara kesinambungan manusia bukan hanya dari aspek menjauhi riba tetapi keseimbangan ekonomi dapat dicapai bersama.

KESIMPULAN

Hakikat *darurah* serta aplikasi dalam kewangan Islam merupakan satu kajian penting bagi mencapai *Maqasid Kulliyah* (universal) yang sebenar. Hakikat *Maqasid Kulliyah* merupakan formulasi dan mekanisme penting dalam hukum kewangan Islam khususnya dan hukum Islam secara umumnya. *Maqasid Kulliyah* merangkumi *Maqasid al-Daruriyyah* juga merupakan tunggak kehidupan dan jika kehilangan salah satu dari elemennya sudah cukup untuk memberi kemusnahan dan kefasadan kepada kehidupan manusia. Seterusnya membawa kepada huru hara dalam kehidupan. Maka perkara yang demikian perlulah dielakkan dengan memastikan aplikasi hukum kewangan Islam menepati ciri-ciri yang telah digariskan syarak dalam memelihara kemaslahatan Islam sejagat. Aplikasi *darurah* perlu benar-benar menepati bukan sahaja dari sudut tekstual tetapi *sub-context* dan substansi dari rangka fiqhi dan usul fiqhnya. Manakala perbezaan antara *darurah* fiqhi dan *darurah* usuliperlu ditekankan bagi memastikan aplikasi kewangan Islam berada dan ruang lingkup prinsip *darurah* kulliyah. Tanpa mempraktikkan konsep *al-darurah* sebenar maka kewangan Islam akan menggunakan produk-produk yang masih belum memenuhi kerangka *Maqasid* syarak sebenar yang mana salah satu objektif syarak ialah menumbuhkan pasaran ekonomi dan kewangan yang aktif.

Sebagai cadangan, kewangan Islam perlu menggunakan pendekatan tadbir urus yang lebih rapi, dokumentasi undang-undang yang meraikan kemaslahatan kedua-belah pihak, inovasi produk yang lebih dinamik serta dibantu oleh kordinasi Shariah yang kukuh dan efektif dalam kerangka kawal selia yang komprehensif dapat membantu mengaplikasikan konsep *al-darurah* mencapai *Maqasid Kulliyah*.

Penghargaan: Kajian ini ditaja oleh Geran Universiti Malaya (Saga: PG103-2013B)

RUJUKAN

- ‘Abdul ‘Azhim Jalal Abu Zaid. (2011). *Fiqih Riba Studi Komprehensif Tentang Riba Sejak Zaman Klasik Hingga Modern*. Jakarta: Senayan Publishing
- ‘Allal Fasi. (2014). *Maqasid Al-Shari’ah Wa Makarimaha*, Mesir: Darul Kalimah
- Abdul Aziz bin Mohd Yaacob. (1986). *Islamic Banking and Economic Development*, (Univeristy Microfilms International, University of Maryland, Ann Arbor Michigan
- Abdullah Diyah, Abdul Majid. (2011). *al-Qawaed wa Ad-Dhowabith Al-Fiqhiah Li Ahkam Al-Mabi’ Fi As-Shari’ah Al-Islamiah*. Universiti Urdun
- Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad al-Ghazali. (2010). *Al-Mustasfa Min ‘Ilm al-USul*. Beirut: Dar Sadir

- Abu Umar Faruq Ahmad. (2010). *Theory and Practice of Modern Islamic Finance: The Case Analysis from Australia*. Florida: Brown Walker Press
- Adud al-Din ‘Abd al-Rahman al-Iji. (2000). *Sharh al-Adud (a commentary on Ibn al-Hajib’s usul work Mukhtasar al-Muntaha al-Uṣuli)* ed. Fadi Nasif et al. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- Ahamed Kameel Mydin & Dzuljastri Abdul Razak. (2009). *Home Financing through the Musharakah Mutanaqisah Contracts: Some Practical Issues*, *Journal Of King Abdul Aziz Islamic Econ*, Vol 22. No 1
- Ahcene Lahsasna. (2013). *Maqasid al-Shari’ah in Islamic Finance*. Kuala Lumpur, IBFIM
- Ahmidan, Ziyad Muhammad. (2004). *Maqasid al-shari’ah al-Islamiyah: Dirasah Uṣuliyah Wa-Tatbiqat Fiqhiyah*. Beirut : Mu’assasat al-Risalah Nashirun
- Akram Laidin. (2013). *Islamic Legal Maxims And Their Application in Islamic Finance*. Kuala Lumpur, ISRA
- Al-Fasi. (1993) *Maqasid al-Shari’ah al-Islamiyyah Wa Makarimuha*, (Cet. Kelima), Tunisia : Dar al- Gharb al-Islami
- Al-Qarafi. (1973). *Syarh Tanqih al-Fusul*. Beirut: Dar al-Fikr
- Al-Raysuni, Ahmad. (2014). *Nazhoriyyah Al-Maqasid ‘Inda Imam Al- Shatibi* . Kaherah: Darul Kalimah
- Ali, Juma’ah. (2005). *At-Thuruq Ila At-Thurath Al-Islami, Muqaddimat Ma’rifayah Wa Madakhal Manhajiyyah*. Kaherah: Nahdhoh Misr
- Amir Mualim. (2004). *Ijtihad dan Legislasi Muslim Kontemporer*. Yogyakarta: UII Press
- Ansari, Farid. (2010). *Al-Mustalah Al-Uṣuli ‘Inda As- Shatibi* . Kaherah, Darul Salam
- Asafri Jaya Bakri. (1996). *Konsep Maqashid Syari’ah Menurut Al- Shatibi* . Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada, Cet. I
- Awwa, Muhammad Salim. (2006). *Dawr Al-Maqasid Fi Al-Tashri’At Al-Mu`asirah : Al-Muhadarah Al-Iftitahiyah Li-Silsilat Muhadarat Markaz Dirasat Maqasid Al-Shari`Ah Al-Islamiyah Ulqiyat Bi-Kulliyat Dar Al-`Ulum Jami`At Al-Qahirah*. London : Mu’assasat Al-Furqan Lil-Turath Al- Islami, Markaz Dirasat Maqasid Al-Shari`Ah Al-Islamiyah
- Awwal, Sarker. (1997). *Islamic Banking In Bangladesh: Performance, Problem and prospect*. *International Journal of Islamic Financial Services* 1 No.3
- Bayyah, Abdullah Ben. (2007). *Sina’atil Fatawa W Fiqh Aqaliyyat*. Beirut, Darul Manhaj
- Bayyah, Abdullllah Ben. (2008). *Maqasid al-Syari'ah fi al- Mu'amalat*. (Kaherah, Matabi' al-Madani al-Muassasah al- Su'udiyah
- MTB, Hossain., C., Siwar. & T., Al-Mubarak. (2008). *Determination Of The Effective Ways Of Microfinance For Islamic Bank To Eliminate Poverty : An Empirical Investigation*. *Journal Institution*, 7
- Christopher Melchert. (1997). *The Formation of the Sunnī Schools of Law, 9th-10th Centuries C.E*. Leiden: Brill
- El-Tahir El-Mesawi, Ibn Ashur. (2006). *Treatise on Maqasid al-Shari`ah Muhammad Al-Tahir Ibn Ashur ; translated from the Arabic and annotated by Mohamed El-Tahir El-Mesawi*. London: The International Institute of Islamic Thought
- Ghohthofi, Musfir Ibn Ali, (2010). *At-tahaddiyat Al-Mustaqbalah Lil-Masrafiyyah Al-*

- Islamiyyah: Ru'yah Maqasidiah. In: Proceeding Seminar Antarabangsa ke-5 Ulama' Shari'ah Berkisar Kewangan Islam. 25-27 Oktober, 2010, Kuala Lumpur, Malaysia
- Ibnu al-Qayyim al-Jauziyyah. (2002). I'lam al-Muqi'iyin . Kaherah: Darul Hadis
- Ibnu 'Asyur, Muhammad Tahir. (2006) Maqasid As-Syariah .Kaherah: Darul Salam
- Ibraheem Musa Tijani. (2013). Fatwa In Islamic A Snapshot Of Tawarruq. ISRA, Monthly Publication Retrieved from: <http://ifikr.isra.my/documents/10180/16168/blp-isra%20sep%20bulletin%20Tawarruq.pdf>, retrieved September 2013
- Isma'il, Muhammad Bakr. (2006) . Maqasid al-shari'ah al-Islamiyah ta'silan wa-taf'ilan / Muhammad Bakr Isma'il Habib. Makkah Idarat al-Da'wah wa-al-ta'lim bi-rabitat al-'alam al- Islami
- Jabir, Hasan Muhammad. (2007). Maqasid Al-kulliyah li Shar' wa Manahij al-Tafsir. Landan: Mu'asasat al-Furqan lil-Turath al-Islami, Markaz Dirasat Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyah
- Juwayni, Haramyn Abi Al-Ma'ali Abdul Malik. (1997). Al-Burhan Fi Usul Fiqh. Lubnan: Darul Kutub Ilmiah
- Kamali, Mohammad Hashim. (2009) Principles Of Islamic Jurisprudence. Selangor: Ilmiah Pub
- Khairunnas Rajab. (2009). Rekonstruksi Teori Masalahah Dalam Kajian Pembaharuan Perundangan
- Islam. Analisis Terhadap Pemikiran Najm Al-Din. Jurnal Syariah **17**: 593-606.
- Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid. (2001). Dinamisme Pengajian Syariah. Kuala Lumpur, Universiti Malaya.
- Mohamed Fairouz Abdul Khir, Marjan Muhammad. (2010). Implementasi Ibra' Dalam Produk Berasaskan Harga Tangguh Dalam Sistem Perbankan Islam. Analisis Dari Perspektif Operasi Perbankan Dan MaqasidSyari'ah, Research paper No: 16
- Mohd, Farhan Ahmad & Mohd Adib Ismail. (2011). Pendekatan Baru Pembiayaan Peribadi Satu Cadangan A New Approach in Personal Financing . A Proposal. In: Prosiding Perkem VI. 5- 7 Jun 2011, Melaka, Kuala Lumpur.
- Mohd Zaidi Abdullah. (2012). Kearifan Yang Subur. Selangor, Kurnia Ilham
- Moussa, Larbani & Omar, M. Mustafa. (2011) Decision Making Tools For Resource Allocation Based On MaqasidAl- Shari'ah. Islamic Economic Studies **19**: 51-68
- Muhamad, N. H., & Amirah, A. (2011) . "Exploring Islamic Products by Comparing Aqad between Indonesia and Malaysia. Presented at MIFC. 19 Julai 2011, Jakarta, Indonesia
- Muhamad Nadrattuzaman Hosen. (2012). Comparative Analysis of Islamic Banking Products between Malaysia and Indonesia. International Journal of Academic Research in Economics and Management Sciences. **1**:120-143
- Muhammad Sa'ad Bin Ahmad Bin Mas'ud Al-Ya'qoubi. (1429) . Maqasid As-Syariah Al-Islamiyah Wa 'Alaqtuha Bil Adillah As-Syariah. Darul Ibnu Jawzi
- Tawfique, Al. M., & Osmani, N. M. (2010). Applications Of Maqasid Al-Shari'ah And Masalahah In Islamic Banking Practices: An Analysis. In: Proceeding of International Seminar on Islamic Finance in India. 4-6 Oktober 2010, Kochi, India.
- Qal'ahji, Muhammad Rawwas. (1999). al-Mu'amalat al-Maliyyah al-Mu'asirah, al-Urdun: Dar al- Nafa'is
- Qardawi, Yusuf. (2008). Dirasah Fi Fiqh Maqasid Al-Shari'Ah : Bayna Al-Maqasid Al-Kulliyah Wa- Al-Nusus Al-Juz'iyah . Kaherah : Dar Al-Shuruq

- Ridzwan Ahmad. (2004). Standad Maslahah Dan Mafsadah Dalam Penentuan Hukum Islam Semasa Di Malaysia. PhD Thesis, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur
- Roderick Millar & Habiba Anwar. (2008). Islamic Finance, A Guide For International Business And Investment, London: United Kingdom
- Said Bouheraoua. (2001). The Framework of MaqasidAl-Shari'ah (Objective of The Shari'ah) And Its Implications For Islamic Finance, Research Paper. No: 22
- Saiful Azhar Rosly and Mahmood M. Sanusi. (1999). The Application of Bay' al-'Inah and Bay' al- Dayn in Malaysian Islamic Bonds. An Islamic Analysis, International Journal of Islamic Financial Services **1**: 1-18
- Saiful Azhar Rosly. (2005). Critical Issues on Islamic Banking and Financial Markets. Dinamas: Kuala Lumpur
- Shatibi , Abu Ishaq. (2003). Al-Muwafaqat Fi Uṣul Al-Shari'ah. Kaherah, Maktabah Taufiqiah Suhaili, Muhammad Amin. (2011). Qaedah Dar'u Mafasid Awla Min Jalbl al-Masalih . Kaherah: Darul Salam
- Suratmaputra, Ahmad Munif. (2002). Filsafat Hukum Islam Al-Ghazali : Maslahah Mursalah & Relevansinya Dengan Pembaharuan Hukum Islam. Indonesia: Pustaka Firdaus
- Syed Muhammad Dawilah Al-Edrus. (1993). Epistemologi Islam, Teori Ilmu dalam Al-Quran. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Usamah, Abdul 'Alim. (2007). Qaedah La Darar Wa La Dhirar Fi Nithoqul Al-Muamalat Al-Maliah wal 'a'mal At-Tibbiyah Al-Mua'sirah Fi al-Fiqh al-Islami wal Qanun al-Qadhie. Iskandariah:Darul Jamieah Jadida
- Yubi, Muhammad Sa'd ibn Ahmad ibn Mas'ud. (1998). Maqasid al-shari`at al-Islamiyah wa-`alaqatuha bi-al-adillat al-shar`iyah .Riyadh: Dar al-Hijrah
- Yubi, Muhammad Sa'd ibn Ahmad ibn Mas'ud. (2008). Maqasid al-shari`ah al-Islamiyah wa-`alaqatuha bi-al-adillah al-shar`iyah. Damam: Dar ibn al-Jawzi
- Zuhaily, Wahbah. (1982) .Nazhoriyyah Al-Dharurah Al-Syariyyah Muqaranah Ma'al Qanun Al- Qadhie
- Zuhayli, Wahbah. (1997). Nazhoriyyah Al-Dharurah Al-Syariyyah Hududuha Wa Dhowabithuha Bayrut : Mu'assasat al-Risalah
- Zulkifli Hasan . (2012) . "Ke Mana Arah Tuju Kewangan Islam?. (Tidak diterbitkan)